



POWERING
MALAYSIAN
SMEs

**CREDIT GUARANTEE CORPORATION
MALAYSIA BERHAD
197201000831 (12441-M)**

**BIZ CONTRACT FINANCING-i and BIZBUMI
CONTRACT FINANCING-i
(Collectively known as "BCF-i")**

Tarikh/Date: _____
(Diisi oleh Pegawai Cawangan/filled-in by Branch Officer)

LAMPIRAN PENDEDAHAN PRODUK PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Sila baca dan fahami Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum membuat keputusan untuk memilih BCF-i. Sila rujuk kepada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC Malaysia) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.

Please read and understand this Product Disclosure Sheet before making a decision to choose BCF-i. Please refer to Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC Malaysia) if you do not understand any part of this document or the general terms and conditions.

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

BCF-i merupakan kemudahan pembiayaan kontrak yang ditawarkan kepada usahawan Malaysia yang layak, terdiri daripada Kontraktor Utama atau Sub-Kontraktor yang Dilantik yang telah memperoleh kontrak atau kontrak masa hadapan daripada pihak pemberi anugerah yang diluluskan.

BCF-i is a contract financing facility offered to eligible Malaysian entrepreneurs, comprising Main Contractors or Nominated Sub-Contractors who have secured contract(s) or future contract(s) from approved awarding parties.

2. Apakah kelayakan kontrak bagi tujuan pembiayaan produk ini? / What are the contract eligibility of this financing product?

Pembiayaan kontrak ini terbuka kepada semua jenis kontrak yang layak dalam bidang pembinaan, bekalan, dan perkhidmatan yang diperoleh daripada Kerajaan, Badan dan Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, syarikat milik Kerajaan, serta syarikat swasta yang memenuhi kriteria pemberi kontrak seperti yang ditetapkan oleh CGC Malaysia.

Contract financing is open to all types of eligible contracts in construction, supply, and services, secured from the Government, Government Bodies and Agencies, Statutory Bodies, Government-owned Companies, and Private Companies that meet the contract awarder criteria as determined by CGC Malaysia.

3. Apa yang saya dapat daripada produk ini? / What do i get from this product?

Kemudahan Pembiayaan / Financing Facility	a) Kemudahan Pembiayaan Pusingan / <i>Revolving Financing Facilities</i> b) Pembiayaan Berjangka berdasarkan keperluan kontrak / <i>Term Financing based on the contract requirement</i>
Jumlah Kemudahan / Facility Amount	a) Pemohonan pertama / First application - Sehingga 80% daripada nilai kontrak atau jumlah agregat tidak melebihi RM3.0 juta, yang mana lebih rendah / <i>Up to 80% of contract value or total aggregate not exceeding RM3.0 million, whichever is lower</i> b) Pemohonan berikut / Subsequent application - Sehingga 80% daripada nilai kontrak atau jumlah agregat tidak melebihi RM5.0 juta, yang mana lebih rendah / <i>Up to 80% of contract value or total</i>

The information provided in this disclosure sheet is valid as of July 2025

Prepared by Bumiputera Private Sector

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad – Registration No. 197201000831 (12441-M)

		<i>aggregate not exceeding RM5.0 million, whichever is lower</i>
Tempoh / <i>Tenure</i>		Sehingga 5 tahun atau berdasarkan tempoh kontrak atau aliran tunai yang mana lebih awal. / <i>Up to 5 years or based on the contract tenure or cash flow, whichever is earlier.</i>
Kadar Keuntungan / <i>Profit Rate</i>		Sehingga 7.0% setahun / <i>Up to 7.0% per annum</i>

4. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk pembiayaan ini? / What is the applicable Shariah concept(s) applicable for this financing?

Tawarruq	Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara bayaran tertunda. Seterusnya, pembeli dalam jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. <i>A tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred payment basis. Subsequently, the purchaser from the first sale sells the same asset to a third party on a cash and spot basis.</i>
Murabahah	Murabahah merujuk kepada jualan dan pembelian aset di mana kos pemerolehan dan 'mark-up' didedahkan kepada pembeli. <i>Murabahah refers to a sale and purchase of an asset in which the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.</i>
Wakalah	Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil), memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran (Fi). <i>Wakalah refers to a contract in which a party, as the principal (muwakkil), authorizes another party as its agent (wakil) to perform a specific task on matters that may be delegated, with or without the imposition of a fee.</i>
Wa'd	Wa'd merujuk kepada janji unilateral yang merupakan ekspresi komitmen yang dibuat oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. <i>Wa'd is a unilateral promise referring to an expression of commitment made by one party to another to perform certain action(s) in the future.</i>

5. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

Anda dikehendaki menandatangani Surat Akuan Serah Hak (DOA) untuk memudahkan penyaluran pembayaran berdasarkan pencapaian kontrak yang ditetapkan oleh Penganugerahan Kontrak. Ini mewajibkan anda membayar jumlah prinsipal dan keuntungan pembiayaan mengikut jadual yang telah dipersetujui. *You are required to sign the Deed of Assignment (DOA) to facilitate payment based on the contract milestones set by the Contract Awarder. This obligates you to pay the principal and profit of the financing according to the agreed schedule.*

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar? / What are the fees and charges I have to pay?

Duty Setem / Stamp Duties	Mengikut Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989) / <i>As per the Stamp Duty Act 1949 (Revised 1989)</i>
Yuran Pengeluaran / Disbursement Fees	Seperti yang ditetapkan oleh Peguam Cara / <i>As prescribed by Solicitors</i>
Yuran carian dan yuran lain-lain / Searches Fees and Other Fees	Seperti yang ditetapkan oleh Peguam Cara / <i>As prescribed by Solicitors.</i>
Yuran Guaman / Legal Fees	Mengikut Perintah Saraan Peguam Cara 2023/ <i>As per the Solicitor's Remuneration Order 2023.</i>
Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST") yang berkenaan / Applicable Sales and Services Tax ("SST")	SST terpakai ke atas yuran penyaluran, yuran carian dan yuran guaman / <i>The SST is applicable to the disbursement fees, searches fees, and legal fees</i>

7. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab? / What if I fail to fulfil my obligations?

Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan seperti di bawah:
Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed as below:

- Caj Lewat Bayar sehingga 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak sekiranya anda gagal membayar mana-mana bayaran dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh bermulanya pembiayaan dikeluarkan sehingga tarikh matang pembiayaan / *Late Payment Charges (LPC) up to 1% per annum will be imposed on the overdue amount if you fail to make any payment within the stipulated period from the first disbursement of the financing until its maturity date.*
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh CGC Malaysia terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada / *Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and any legal costs incurred by the CGC Malaysia in taking action against you will be borne by you, if applicable.*
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar / *Legal action against you may affect your credit record, which could make obtaining credit more difficult.*

8. Apakah jenis akaun bank yang perlu dibuka untuk pembiayaan yang disalurkan di bawah BCF-i? / What type of bank account is required to be opened for the financing disbursed under BCF-i?

Akaun Escrow di Maybank Islamic Berhad (Maybank Islamic) / *An Escrow account at Maybank Islamic Berhad (Maybank Islamic)*

9. Adakah saya perlukan takaful? / Do I need takaful?

- Ya dan ia adalah mandatori untuk tempoh kontrak melebihi 12 bulan dan untuk pemilikan tunggal dan perkongsian.
Yes, and it is mandatory for contract tenures exceeding 12 months, as well as for sole proprietorships and partnerships.
- Adalah lebih baik untuk mendapatkan perlindungan Takaful daripada Panel penyelia takaful CGC Malaysia iaitu Zurich Takaful Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Takaful Malaysia Berhad & Etiqa Takaful Berhad.
It is advisable to obtain Takaful coverage from CGC Malaysia panel of Takaful providers, namely Zurich Takaful Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Takaful Malaysia Berhad, and Etiqa Takaful Berhad.
- Jika anda mempunyai sebarang perlindungan Takaful lain dan ia dapat melindungi jumlah pembiayaan, perlindungan Takaful tersebut boleh digunakan. Walau bagaimanapun, anda dikehendaki mengisi dan menandatangani borang "Surat Ikatan Penyerahan Hak Mutlak" dan CGC mesti dinamakan sebagai benefisiari Takaful tersebut.
If you have any other Takaful coverage that can cover the financing amount, it may be used. However, you will be required to complete and sign the "Absolute Deed of Assignment" form, and CGC must be named as the beneficiary

of the Takaful.

10. Apakah risiko yang terlibat? / What are the risks involved?

Tertakluk kepada ketersediaan dana, pembiayaan kemudahan ini akan dibuat atas budi bicara mutlak CGC Malaysia dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan. CGC Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh pihak tuan/puan akibat kelewatan dalam kelulusan dan/atau peruntukan dana oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Subject to the availability of funds, disbursement of the Financing Facility shall be made at the absolute discretion of CGC Malaysia and subject to the relevant authorities' approval.

CGC Malaysia shall not be held responsible for any losses suffered by you as a result of delay in approval and/or allocation of funds by the relevant authorities.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?

Anda boleh memaklumkan sebarang perubahan butiran anda dengan menulis kepada:

You may communicate any changes of your contact details by writing to:

Pusat Khidmat Pelanggan, Aras 2, Bangunan CGC, Pusat Perniagaan Kelana, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? / Where can I get further information?

- Lawati laman web kami di www.cgc.com.my; / Visit our website at www.cgc.com.my;
- Kunjungi pejabat cawangan CGC Malaysia yang terdekat; / Visit the nearest CGC Malaysia branch offices;
- Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7880 0088. / Call our Client Service Centre at 03-7880 0088.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA, JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR KEWAJIPAN KEWANGAN ANDA PADA TARIKH AKHIR / IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU, IF YOU FAIL TO PAY YOUR FINANCIAL OBLIGATIONS ON DUE DATE.

Pengakuan Pelanggan / Customer's Acknowledgement

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang anda tandatangan.

Please ensure you are filling this section yourself and aware of what you are placing signature for.

☐

Saya mengakui bahawa CGC telah memberikan saya satu salinan dan bahawa saya telah membaca maklumat penting yang terkandung dalam helaian pendedahan produk ini. / *I acknowledge that CGC has provided me with a copy and that I have read the key information contained in this product disclosure sheet.*

** Pengakuan anda terhadap lampiran pendedahan produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma yang didedahkan dalam helaian pendedahan produk ini. / Your acknowledgment of this product disclosure sheet will not affect your right to seek redress in the event of a dispute regarding the terms disclosed in this product disclosure sheet.*

Nama/Name: _____

Tarikh/Date: _____